

Felda Wilayah Sahabat buat kunjungan ke UMS

NST 12.9.2014 5

KOTA KINABALU: Majlis Belia dan Para Pegawai Felda Wilayah Sahabat telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS yang baharu, Prof Madya Dr. Ismail Ali di pejabatnya di UMS kelmarin.

Kunjungan berkenaan yang diketuai Pegawai Belia dan Sukan Felda Wilayah Sahabat, Ayuh Husain bertujuan memperkenalkan barisan kepimpinan Majlis Belia Felda Wilayah Sahabat serta pegawai Belia Felda Wilayah Sahabat.

Menurut Ayuh ia juga sebagai usaha mengukuhkan hubungan strategik dalam agenda pendidikan dan sosial khususnya dalam merealisasikan agenda nasional terutama masyarakat peneroka dan komuniti Felda Wilayah Sahabat.

Ayuh turut mengucapkan tahniah kepada Dr Ismail atas pelantikannya sebagai Timbalan Naib Canselor HEPA UMS yang baharu.

"Pelbagai kerjasama akan kita akan teruskan dengan UMS seperti yang telah dilaksanakan melalui Persada yang menjadi duta kepada anak-anak Felda di universiti ini," katanya.

Hadir sama Ketua jabatan Seranta Negeri Sabah, Asmarah Rikun.

Pada lawatan itu, Asmarah turut mempelawa UMS untuk bersama-sama dalam program Jelajah IKTIRAF yang akan berlangsung pada 18 dan 19 Oktober 2014.

Menurutnya, Jelajah Iktiraf merupakan acara tahunan bagi mengiktiraf bakat-bakat peneroka terutama belia-belia Felda.

"Program ini berlangsung dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan futsal, bola jaring, pameran agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pelbagai program lain," tambahnya lagi.

Sementara itu, Dr. Ismail berterima kasih kepada Majlis Belia dan para pegawai Felda Sahabat atas kunjungan tersebut.

Menurut beliau, UMS melalui jabatan HEPA akan terus memberikan kerjasama padu kepada Felda Sahabat.

"Kita juga sangat menghargai sokongan dan keterlibatan pihak Felda yang sering melibatkan pelajar UMS dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan," katanya.